

Newspaper	Berita Harian
Date	23/4/2014

## Dr Mahathir temui Naib Presiden China

BH-23/4/2014

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden China, Li Yuanchao di Dewan Besar Rakyat di Beijing, semalam.

“Dr Mahathir diiringi Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (ASLI), Tan Sri Michael Yeoh serta Pengasas dan Timbalan Pengerusi Country Heights Holdings Bhd, Tan Sri Lee Kim Yew,” kata ASLI dalam satu kenyataan.

Perjumpaan Dr Mahathir dengan Naib Presiden China itu adalah pertemuan peringkat tertinggi dengan pemimpin China sejak tragedi MH370.

“Dr Mahathir dan Naib Presiden membincangkan pelbagai cadangan untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China selain cadangan untuk Persatuan Ekonomi dan Pelbagai Budaya Zheng Ho, sejajar dengan Inisiatif Laluan Sutera Maritim oleh Presiden China, Xi Jinping,” katanya.

Dr Mahathir juga memberi taklimat kepada Li mengenai Forum Ekonomi China Sedunia (WCEF) Keenam yang akan diadakan di Chongqing, China akhir tahun ini dan menjemput naib presiden itu menghadirinya.